



Otonomi daerah dan upaya menghidupkan semula budaya Tionghoa di Indonesia: Kajian kes di Bandar Padang, Sumatera Barat

Delpha Yunus¹, Rahimah Abdul Aziz¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Delpha Yunus (email: starring342014@gmail.com)

Abstrak

Otonomi daerah bertujuan untuk memberikan kebebasan kepada setiap etnik di Indonesia untuk menghidupkan semula budaya leluhur. Konsep otonomi daerah ini difahami boleh memberikan laluan mudah kepada orang Tionghoa di bandar Padang untuk menghidupkan semula budaya leluhur. Sehubungan dengan itu, orang Tionghoa cuba menghidupkan semula segala perkara yang berkaitan dengan budaya leluhur seperti ritual keagamaan, perayaan, kesenian, aksara Mandarin dan penggunaan nama Tionghoa. Untuk menghidupkan semula aksara Mandarin maka perkumpulan Hok Tek Tong cuba memasang aksara Mandarin pada bangunan gerbang Hok Tek Tong. Objektif utama menganalisa sejauhmanakah kewujudan otonomi daerah boleh memberikan laluan mudah kepada orang Tionghoa untuk menghidupkan semula budaya leluhur di bandar Padang. Kaedah kajian dibahagikan kepada tiga kaedah iaitu kaedah pemilihan informan, kaedah pengumpulan maklumat dan kaedah analisis maklumat. Kaedah pemilihan informan menggunakan kaedah bola salji terhadap 15 orang informan. Manakala kaedah pengumpulan maklumat menggunakan kaedah temubual mendalam terhadap informan dan analisis maklumat menggunakan kaedah kualitatif. Lokasi kajian iaitu kawasan Pecinaan di kecamatan Padang Barat, bandar Padang, Sumatera Barat, Indonesia. Temuan kajian mendapati kewujudan otonomi daerah telah memberikan laluan mudah kepada orang Tionghoa di Padang untuk menghidupkan semula ritual keagamaan, perayaan, kesenian dan penggunaan nama Tionghoa. Pada masa yang sama, kewujudan otonomi daerah telah menghambat orang Tionghoa di bandar Padang untuk menghidupkan semula aksara Mandarin kerana pihak kerajaan cuba melakukan tindakan diskriminasi dan penggunaan kekuasaan secara kekerasan terhadap bangunan gerbang Hok Tek Tong. Kesimpulannya, konsep otonomi daerah di bandar Padang belum boleh memberikan kebebasan sepenuhnya kepada orang Tionghoa di bandar Padang untuk menghidupkan semula budaya leluhur.

Katakunci: otonomi daerah, komuniti Tionghoa, aksara Mandarin, gerbang Hok Teng Tong, pemerintahan Bandar Padang, penghidupan semula budaya

Local autonomy and the revitalization of the Tionghoa culture in Indonesia: The case of Padang city, West Sumatera

Abstract

Like any other ethnic groups in Southeast Asia, the Tionghoa (Chinese) community would like to revitalize their original culture as is the case with respect to religion, cultural festivals, arts, Mandarin letters and the adoption of Tionghoa's name. In Indonesia, local autonomy is conferred for all ethnic groups to practice their culture. In the Padang city the Hok Tek Tong clan promotes the use of Mandarin letters on their Hok Tek Tong's gate. This study examined the question how far had local autonomy improve the Padang city Tionghoa community's effort to revitalize their ethnic culture. Primary data were gathered from in-depth interviews of 15 local Tionghoa

informants from the Pecinaan area of the West Padang district, West Sumatera. The findings revealed that local autonomy could indeed enhance the revitalization of local Tionghoa religious practices, cultural festivals, arts and the adoption of Tionghoa names. However, local autonomy failed to do the same with respect to the use of Mandarin letters on Hok Tek Tong's gate as this was rejected outright by the Indonesian government. In conclusion, local autonomy could but confer limited freedom for Indonesian Tionghoa communities to revitalize their ethnic culture.

Keywords: cultural revitalisation, Hok Tek Tong gate, local autonomy, Mandarin letters, Padang government, Tionghoa community

Pengenalan

Otonomi daerah telah membawa perubahan terhadap keberadaan budaya di Indonesia. Pemerintahan orde reformasi telah menguatkuasakan Undang-Undang nombor 22 tahun 1999 tentang pelimpahan kekuasaan oleh pemerintahan pusat kepada pemerintahan daerah untuk mengurus budaya-budaya yang terkandung dalam daerah masing-masing. Pemerintahan daerah memiliki kekuasaan secara mutlak untuk mentadbir budaya-budaya dalam daerah (Abdullah 2002). Sehubungan dengan itu, setiap etnik mendapatkan kebebasan menghidupkan semula budaya leluhur. Daryusti (2006) mengkaji tentang kesenian Minang di bandar Padang. Temuan kajian mendapati konsep otonomi daerah telah mendorong terjadinya kebangkitan semula kesenian tari *Alang Suntieng Penghulu* yang telah lama terkubur akibat penyeragaman-penyseragaman budaya. Manakala Bakar (2004) mengkaji tentang kewujudan otonomi daerah di bandar Aceh. Kajian mendapati kewujudan konsep otonomi daerah telah mendorong pemerintahan daerah Aceh untuk menghidupkan semula nilai-nilai Islami. Melalui konsep otonomi daerah, pemerintahan daerah Aceh cuba memberikan tumpuan perhatian terhadap slogan *Aceh kota Serambi Mekah*. Kewujudan otonomi daerah juga telah mendorong terjadinya kebangkitan semula terhadap budaya Tionghoa di Makassar. Bahrin (2003) mendapati pemerintahan daerah Makassar telah memberikan kebebasan kepada orang Tionghoa di Makassar untuk menghidupkan semula ritual keagamaan leluhur yang telah lama terasing akibat Undang-Undang nombor 14 tahun 1967.

Konsep otonomi daerah juga telah mendorong pemerintahan daerah bandar Padang untuk memberikan kebebasan kepada orang Tionghoa di bandar Padang untuk menghidupkan semula budaya leluhur. Sehubungan dengan itu, komuniti Tionghoa Padang mula giat melancarkan aktiviti yang berkaitan dengan budaya leluhur seperti ritual keagamaan, perayaan, kesenian, aksara Mandarin dan penggunaan nama Tionghoa. Namun mereka menghadapi masalah untuk menghidupkan semula aksara Mandarin. Perkumpulan HTT cuba memasang aksara Mandarin pada bangunan gerbang *Hok Tek Tong* (HTT). Muncul upaya pihak penguasa untuk melepaskan aksara Mandarin pada bangunan gerbang HTT secara paksa. Bahkan pihak kerajaan cuba menggunakan kekuasaan secara kekerasan untuk meruntuhkan bangunan gerbang HTT berkenaan. Manakala penduduk tempatan pula tidak bersetuju terhadap keberadaan aksara Mandarin sehingga wujud sikap untuk menentang keberadaan bangunan gerbang HTT. Dalam hal ini, informan asal penduduk tempatan menilai bangunan gerbang HTT menjejaskan pengguna jalan awam. Kelompok etnik Tionghoa di bandar Padang telah melakukan langkah-langkah penyelesaian melalui proses pengadilan namun masalah ini berakhir dengan peristiwa konflik pergaduhan. Sejauhmanakah otonomi daerah boleh memberikan kebebasan kepada orang Tionghoa di bandar Padang untuk menghidupkan semula budaya leluhur.

Konsep menghidupkan semula budaya

Konsep menghidupkan semula budaya (revitalization of culture) membincangkan tentang upaya-upaya rekonstruksi yang dilakukan oleh kelompok etnik bagi memurnikan atau mengaktifkan kembali terhadap budaya leluhur yang telah pupus (Wallace 1966). Peristiwa kebangkitan semula budaya difahami boleh mendorong terjadinya perubahan sosial. Mengikut Gillin dan Gillin (1954), perubahan sosial pula boleh

melahirkan reaksi penolakan oleh sesetengah penduduk setempat. Bahkan reaksi penolakan ini boleh berasal dari pihak kerajaan di mana pihak penguasa cuba menggunakan kuasa secara kekerasan untuk menolak berlakunya peristiwa kebangkitan budaya leluhur.

Metodologi kajian

Metodologi kajian meliputi kaedah pemilihan informan, kaedah pengumpulan maklumat dan kaedah analisis maklumat. Kaedah pemilihan informan menggunakan kaedah bola salji di mana pengkaji telah mendapatkan informan seramai 15 orang. Manakala kaedah mendapatkan maklumat menggunakan kaedah temubual mendalam terhadap informan. Pengkaji telah melakukan temubual mendalam terhadap informan seramai 5 orang yang berasal dari perkumpulan Hok Tek Tong. Di samping itu, pengkaji juga telah melakukan temubual mendalam terhadap 5 orang informan asal penduduk tempatan. Pada masa yang sama, pengkaji juga telah melakukan temubual mendalam terhadap 5 orang asal oknum kerajaan bandar Padang. Memandangkan kajian ini menggunakan kaedah temubual mendalam terhadap informan maka kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif. Kajian kualitatif cuba menghuraikan, mengalisa yang menekankan kepada hujahan menggunakan kata-kata dan tidak tertumpu kepada angka-angka seperti kaedah kuantitatif (Neuman 2008).



Rajah 1. Lokasi kajian

Majoriti orang Tionghoa di bandar Padang bermukim di kawasan Pecinaan yang terletak di kecamatan Padang Barat (Erniwati 2007). Terdapat pelbagai aktiviti cuba dilancarkan perkumpulan Hok Tek Tong di kawasan Pecinaan seperti kegiatan menghidupkan kembali ritual keagamaan, perayaan, kesenian, aksara Mandarin dan penggunaan nama Tionghoa. Dalam hal ini, perkumpulan HTT cuba menghidupkan semula aksara Mandarin melalui pembinaan gerbang HTT di kecamatan Padang Barat. Sehubungan dengan itu, lokasi kajian ini adalah kawasan kecamatan Padang Barat yang terletak di bandar Padang, propinsi Sumatera Barat, Indonesia.

Hasil kajian

Otonomi daerah dan kebebasan menghidupkan semula budaya Tionghoa

Kewujudan otonomi daerah di bandar Padang telah memberikan angin segar kepada orang Tionghoa. Hal ini ditandai dengan adanya kebebasan untuk menjalankan segala aktiviti yang berkaitan dengan budaya leluhur Tionghoa. Huntington (2000), menyedari peri pentingnya budaya maka masing-masing negara di dunia mula giat melakukan kebangkitan budaya. Koentjaraningrat (1964), kebangkitan budaya di Indonesia difahami boleh menambah keberagaman budaya. Daniel (2006), keberagaman budaya pula boleh memberikan sumbangan terhadap pembangunan dalam sesebuah negara. Secara sedar atau tidak disadari konsep otonomi daerah boleh memicu munculnya penguatan etnisiti kerana masing-masing etnik cenderung menonjolkan identiti budaya di tengah masyarakat Indonesia.

Rezim kekuasaan Soeharto telah menguburkan identiti-identiti budaya Tionghoa melalui Undang-Undang nombor 14 tahun 1967 (Suryadinata 1984). Pemerintahan orde baru telah melarang orang Tionghoa mengekalkan budaya leluhur sehingga ritual keagamaan, perayaan, aksara Mandarin, kesenian dan penggunaan nama Tionghoa terpaksa disembunyikan. Bahkan pemerintahan orde baru juga telah membekukan kefungisian organisasi Tionghoa seperti organisasi Hok Tek Tong di bandar Padang. Melalui otonomi daerah orang Tionghoa di bandar Padang mula giat mengaktifkan semula peranan perkumpulan HTT yang telah lama dibekukan. Melalui otonomi daerah, perkumpulan HTT cuba menonjolkan identiti-identiti kecinaan yang telah lama terkubur akibat program asimilasi paksaan (coerce assimilation) rezim orde baru. Kewujudan otonomi daerah telah melahirkan semangat baru di kalangan perkumpulan Hok Tek Tong untuk mengurus kepentingan komuniti Tionghoa Padang yang berkaitan dengan kegiatan sosial dan budaya orang Cina Padang. Secara tidak langsung, perkumpulan HTT berperanan sebagai tulang belakang kepada komuniti Tionghoa untuk menghidupkan semula budaya leluhur.

Informan Tionghoa

“..... sejak adonyo otonomi daerah ko, orang Cino Padang alah dapek mangaktifkan baliak organisasi Hok Tek Tong nan alah mati salamo 30 tahun. Mamintak tarimo kasih banyak kapado mantan presiden Republik Indonesia, Abdurrahman Wahid nan alah manarapkan Keppres nombor 6 tahun 2000 dan konsep otonomi daerah sahingga urang Cino Padang bisa mendapatkan peluang menghiduikan baliak kefungisian organisasi HTT ko (sejak adanya otonomi daerah ini, orang Tionghoa di bandar Padang mula mengaktifkan semula perkumpulan Hok Tek Tong yang telah menghilang selama 30 tahun lamanya. Terima kasih banyak kepada bekas presiden Republik Indonesia, Abdurrahman Wahid yang telah menerapkan Keppres nombor 6 tahun 2000 dan konsep otonomi daerah sahingga orang Cina Padang mula mendapatkan peluang menghidupkan semula kefungisian organisasi HTT)”.

Hujah Barton (2000), orang Tionghoa di Indonesia tidak akan pernah bisa melupakan jasa Abdurrahman Wahid. Abdurrahman Wahid telah menguatkuasakan Keppres nombor 6 tahun 2000 tentang penghapusan terhadap Undang-Undang nombor 14 tahun 1967. Sehubungan dengan itu, orang Tionghoa di seluruh Indonesia mula mendapatkan peluang untuk mengekalkan budaya leluhur. Manakala konsep otonomi daerah pula telah mendorong pemerintahan daerah untuk memajukan budaya-budaya yang terkandung dalam daerah. Corak pemerintahan Indonesia yang semula berbasiskan kepada pusat (sentralisasi) bertukar kepada desentralisasi di mana corak desentralisasi ini telah memberikan wewenang kepada pemerintahan daerah untuk mengurus budaya-budaya di daerah sehingga boleh mengurangi masalah ketimpangan pembangunan budaya di Indonesia (Damsar 2005, Abdul 2003).

Temubual mendalam terhadap informan menjelaskan perkumpulan HTT mula menghimpun kekuatan baru untuk memajukan budaya leluhur. Kemunculan organisasi HTT telah melahirkan semangat kekitaan di kalangan ahli perkumpulan HTT. Mengikut Berry (1965) semangat kekitaan boleh memicu munculnya

sikap etnosentrisme di mana sikap ini boleh mendorong individu atau kelompok etnik untuk rela berkorban dalam memperjuangkan budaya leluhur. Bahkan sikap etnosentrisme boleh mendorong individu atau kelompok etnik untuk melakukan apa sahaja demi menonjolkan identiti budaya.

Melalui otonomi daerah, perkumpulan HTT cuba menghidupkan semula ritual keagamaan ajaran agama Konghucu. Organisasi kecinaan ini cuba membina sebuah tempat ibadah kelenteng See Hin Kiong yang baru kerana bangunan kelenteng yang lama tidak lagi layak dipergunakan. Seiring dengan adanya otonomi daerah maka pemerintahan daerah bandar Padang telah menguatkuasakan bangunan kelenteng See Hin Kiong yang lama sebagai salah satu bangunan bersejarah di bandar Padang. Manakala bangunan kelenteng baru See Hin Kiong pula dijadikan sebagai pusat ibadah ajaran agama Konghucu yang telah dirasmikan walikota bandar Padang, Fauzi Bahar. Pihak penguasa telah menggunakan kuasa demi kelancaran kegiatan kebangkitan semula ritual keagamaan. Secara tidak langsung, kewujudan otonomi daerah telah mendorong pemerintahan bandar Padang memberikan kebebasan kepada orang Tionghoa untuk menghidupkan semula ritual keagamaan yang sekian lama terpinggir.

Bahrin (2003) telah melakukan kajian tentang aturcara ritual keagamaan ajaran agama Konghucu di kalangan komuniti Tionghoa di bandar Makassar. Temuan kajian mendapati orang Tionghoa di Makassar menghadapi masalah untuk menghidupkan semula ritual keagamaan. Orang Tionghoa di Makassar sukar untuk mendapatkan buku-buku sebagai sumber rujukan tentang aturcara ritual keagamaan ajaran agama Konghucu. Manakala generasi tua yang berperanan sebagai informan utama telah pun beransur-ansur meninggalkan mereka. Bahrin menegaskan rezim kekuasaan Soeharto berhasil menghapuskan aturcara ritual keagamaan sehingga komuniti Tionghoa di Makassar telah lupa terhadap aturcara ritual keagamaan. melalui otonomi daerah orang Tionghoa di Makassar berupaya menghidupkan kembali ritual keagamaan yang sekian lama hilang.

Selanjutnya, kewujudan otonomi daerah juga telah memberikan kebebasan kepada orang Tionghoa di bandar Padang untuk menyambut perayaan Tahun Baru Cina dan Tcap Goh Meh secara besar-besaran. Perkumpulan HTT mula giat menyiapkan pelbagai perarakan semasa perayaan Cina seperti perarakan busana Tionghoa, aksara Mandarin, alat muzik Tionghoa dan perarakan Taopekong. Temubual mendalam terhadap informan Tionghoa mengatakan bahawa tahun 2000 merupakan awal permulaan terjadinya penyambutan perayaan Tahun Baru Cina yang disambut secara meriah di bandar Padang. Di samping itu, kehadiran otonomi daerah di bandar Padang telah melahirkan kesedaran baru di kalangan perkumpulan HTT untuk menghidupkan semula perayaan Peh Cun di mana perayaan ini turut dimeriahkan oleh pertandingan perahu dayung. Pertandingan perahu dayung tidak hanya disertai oleh pasukan perahu dayung asal Indonesia sahaja. Temubual mendalam terhadap informan Tionghoa menghuraikan terdapat pelbagai negara lain seperti Singapura, Malaysia dan Tiongkok ikut menyertai perlumbaan perahu naga di bandar Padang. Aktiviti ini difahami telah memberikan sumbangan terhadap pembangunan industri pelancongan bandar Padang.

Informan Tionghoa

“...yo alah lamo awak ndak mancaliak acara silaju sampan ko. Sajak dilarang oleh rezim orde baru mako acara pertandingan perahu ko pun alah manghilang. Sajak ado otonomi daerah ko mako organisasi HTT cubo muangkek baliak acara pertandingan sampan ko ka ajang pariwisata lokal (...kita memang telah lama tidak menyaksikan acara perahu dayung ini. Sejak adanya pelarangan oleh rezim orde baru maka acara pertandingan perahu dayung ini menjadi pupus. Sejak adanya otonomi daerah ini maka organisasi HTT cuba mengangkat kembali acara pertandingan sampan tersebut ke ajang pelancongan lokal)”.

Acara perahu dayung merupakan bahagian dari tradisi perayaan Peh Cun yang telah lama pupus. Kehadiran otonomi daerah telah membangkitkan kembali eksistensi tradisi Peh Cun warisan leluhur. Temubual mendalam terhadap informan Tionghoa menerangkan bahawa pasukan perahu dayung asal Tionghoa Padang juga pernah ikut menyertai pertandingan perahu dayung di sungai Melaka, Malaysia tahun 2013. Selanjutnya, orang Tionghoa di bandar Padang juga giat menghidupkan semula kesenian

Tionghoa. Salah satu bentuk kesenian kebanggaan orang Tionghoa seperti kesenian tari barongsai. Pasukan barongsai asal bandar Padang pernah menyertai pertandingan peringkat antarbangsa. Tahun 2000 didapati pasukan barongsai bandar Padang pernah menduduki peringkat ke-5 dalam pertandingan seni tari barongsai di Genting Highland, Malaysia.

Pada asasnya kewujudan otonomi daerah telah mendorong orang Tionghoa di bandar Padang untuk menghidupkan kembali kesenian leluhur. Namun sesetengah remaja Tionghoa kurang berminat terhadap kesenian leluhur. Pendapat Melly (1981), pemerintahan orde baru telah mengasingkan kesenian leluhur dari kaum remaja sehingga menyebabkan kaum remaja kurang mengalami proses pendedahan terhadap kesenian leluhur. Parsons (1995) institusi keluarga memainkan peranan sebagai agen sosialisasi utama terhadap anak-anak. Program asimilasi secara paksaan telah menghilangkan peranan institusi keluarga Tionghoa untuk mensosialisasikan kesenian leluhur terhadap kaum remaja (Melly 1981). Secara tidak langsung, pihak penguasa era orde baru telah melumpuhkan kefungsiannya institusi keluarga Tionghoa untuk mengajarkan tentang kesenian leluhur.

Daryusti (2006) telah mengkaji tentang kebangkitan semula kesenian tari *Alang Suntieng Penghulu* di kalangan orang Minang di bandar Padang. Kajian mendapati orang Minang mengalami kesukaran menghidupkan seni tari berkenaan kerana sesetengah remaja Minang kurang berminat terhadap kesenian berkenaan. Justeru sebaliknya, mereka lebih tertarik terhadap budaya asing. Giddens (1991) berhujah modernisasi telah membawa nilai-nilai budaya asing dan menghakis nilai-nilai budaya tempatan. Arus pemodenan juga telah membawa perubahan sosial sehingga turut mempengaruhi minat kaum remaja. Kaum remaja lebih banyak terdedah terhadap nilai-nilai asing sehingga mereka cenderung menerima pakai budaya asing sebagai identiti budaya kaum remaja. Seiring dengan adanya otonomi daerah maka pemerintahan daerah perlu menggunakan kuasa untuk menarik minat golongan muda untuk menceburi kesenian warisan leluhur. Memandangkan kaum remaja sebagai generasi pewaris budaya leluhur dan sekaligus sebagai pemangkin masa hadapan bangsa maka pemerintahan daerah bandar Padang perlu mencari formula yang berkesan untuk menarik minat kaum remaja terhadap budaya leluhur.

Kewujudan otonomi daerah telah memberi wajah baru dalam penggunaan nama Tionghoa. Orang Tionghoa Padang mula mendapatkan kebebasan menghidupkan semula penggunaan nama Tionghoa. Penggunaan nama Tionghoa sememangnya telah lama terkubur akibat pelarangan oleh golongan penguasa. Mengikut Melly (1981) pemerintahan Indonesia telah memaksa orang Tionghoa untuk menukar nama Tionghoa menjadi nama Indonesia bagi memperlihatkan sikap nasionalisme di kalangan Tionghoa terhadap Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI). Tidak dinafikan keberadaan orang Tionghoa sering dikaitkan dengan stereotaip dan label komunisme (Hindley 1964). Sehubungan dengan itu, corak penggunaan nama Indonesia di kalangan Tionghoa boleh mengurangi masalah stereotaip dan label berkenaan sehingga boleh menumbuhkan semangat patriotisme di kalangan orang Tionghoa terhadap NKRI. Pasca reformasi telah mendorong orang Tionghoa di bandar Padang mengaktifkan kembali penggunaan nama Tionghoa terutama dalam urusan rasmi. Orang Cina Padang mula menggunakan nama Tionghoa dalam kad pengenalan (KTP) dan dokumen perjalanan (passport). Bahkan generasi Tionghoa yang dilahirkan di atas tahun 2000 tidak lagi perlu menyediakan nama Indonesia kerana mereka telah bebas menggunakan nama Tionghoa dalam urusan formal birokrasi Indonesia (Agus 2006).

Di samping itu, perkumpulan HTT juga mula giat menghidupkan semula aksara Mandarin. Hal ini ditandai dengan adanya upaya ahli perkumpulan HTT untuk menggunakan aksara Mandarin di tempat-tempat awam. Sehubungan dengan itu, perkumpulan HTT cuba membina sebuah gerbang yang menggunakan aksara Mandarin. Dalam hal ini, perkumpulan HTT telah mendapatkan izin kebenaran secara lisan dari walikota Padang untuk mendirikan bangunan gerbang. Perkumpulan HTT meyakini bahawa mereka telah mendapatkan hak untuk membina gerbang tanpa harus mendapatkan izin secara tulisan dari jabatan terkait. Sehubungan dengan itu, perkumpulan HTT memiliki keberanian untuk membina bangunan gerbang, dinamakan *Gapura Hok Tek Tong*.

Reaksi penolakan terhadap pemasangan aksara Mandarin di tempat awam

Orang Tionghoa di bandar Padang berhadapan dengan masalah untuk menggunakan aksara Mandarin di tempat awam. Hal ini terlihat dengan adanya penggunaan aksara Mandarin pada bahagian atas bangunan gerbang Hok Tek Tong. Penggunaan aksara Mandarin pada gerbang menimbulkan reaksi tidak setuju oleh sesetengah penduduk tempatan. Temuan kajian mendapati penduduk tempatan merasa asing terhadap penggunaan aksara Mandarin di tempat-tempat awam kerana selama ini rezim kekuasaan Soeharto melarang penggunaan aksara Mandarin di tempat awam. Kewujudan pemasangan aksara Mandarin di tempat awam merupakan bahagian dari corak perubahan sosial. Seolah-olah penduduk tempatan belum sedia menerima perubahan sosial berkenaan.

Perubahan sosial adalah pergerakan yang terjadi akibat ketidaksesuaian di antara unsur-unsur sosial yang saling berbeza sehingga menimbulkan reaksi. Gillin dan Gillin (1954), perubahan sosial adalah suatu variasi dari cara hidup yang diterima akibat adanya kebijakan baru oleh penguasa dalam sesebuah masyarakat. Perubahan sosial boleh berlaku secara lambat atau pun secara pantas. Perubahan sosial lambat (evolusi) iaitu perubahan-perubahan yang memerlukan masa yang lama sehingga kurang menimbulkan reaksi oleh penduduk setempat. Manakala perubahan sosial secara cepat (revolusi) iaitu perubahan-perubahan sosial yang berlangsung dengan cepat sehingga menyebabkan penduduk tempatan belum sedia untuk menerima perubahan berkenaan. Sikap penolakan oleh penduduk tempatan berpunca dari kurangnya kesediaan mereka menerima perubahan yang berlaku melalui pemasangan aksara Mandarin berkenaan. Akibatnya penduduk tempatan cuba mempertikaikan keberadaan bangunan gerbang HTT dengan dalih bangunan gerbang HTT telah menjejaskan pengguna jalan awam.

Informan penduduk tempatan

“Bangunan gerbang Hok Tek Tong alah mengganggu onda yo oto lalu lalang karano bangunan gerbang HTT dibangun di ateh jalan umum. Diharapkan orang Cino Padang sadar yo apo kasalahan nan alah dibuek tu. Saolah-olah urang Cino Padang ko sarupo panjajah Baland mamintang tanah, alah diagiah tapi ingin pulo bakuaso (Bangunan gerbang Hok Tek Tong telah mengganggu kenderaaan motor dan kereta yang melewati jalan kerana bangunan gerbang HTT dibina di atas jalan awam. Diharapkan orang Cina Padang sadar terhadap kesalahan yang telah dilakukan. Seolah-olah orang Cina Padang itu serupa kolonial Belanda yang meminta tanah, lalu ingin menguasai pula secara keseluruhannya)”

Informan asal penduduk melabel orang Tionghoa serupa dengan kolonial Belanda. Masalah label ini berpunca penglibatan orang Tionghoa dalam syarikat dagang VOC Belanda. Graves (1981), orang Cina di bandar Padang berperanan sebagai pedagang perantara dalam syarikat dagang milik Belanda. Manakala syarikat dagang VOC Belanda telah menjalankan praktik monopoli dagang sehingga ekonomi rakyat ditindas. Bahkan tanah-tanah milik kaum pribumi dirampas oleh pihak kolonial Belanda sehingga ekonomi kaum Tionghoa kian bertambah maju. Pada masa yang sama, ekonomi kaum Tionghoa juga kian maju kerana telah menjadi rakan kongsi dagang Belanda. Hujah Erniwati (2007), fakta sejarah hitam ini telah menyebabkan hubungan interaksi yang tidak harmonis antara penduduk tempatan dengan orang Tionghoa. Hubungan interaksi yang tidak harmonis ini telah memperkuat terjadinya sentimen etnik sehingga memberikan laluan mudah terjadinya konflik antar etnik. Konflik di antara orang Tionghoa dengan penduduk tempatan sukar dihapuskan kerana telah diwarisi secara turun-temurun sehingga masih berkembang pada masa sekarang ini. Hubungan yang tidak harmonis antara orang Tionghoa dengan penduduk tempatan telah memberikan impak negatif terhadap aktiviti pemasangan aksara Mandarin yang dilancarkan komuniti Tionghoa di bandar Padang. Informan asal penduduk tempatan mengharapkan agar komuniti Tionghoa Padang melakukan aktiviti menghidupkan semula budaya leluhur tidak menyimpang dari makna kebebasan yang termaktub dalam konsep otonomi daerah. Penduduk tempatan menyedari bahawa orang Tionghoa bandar Padang telah mendapatkan kebebasan mengekalkan budaya melalui konsep otonomi daerah. Namun bukan bererti mereka boleh bebas melakukan apa sahaja tanpa mengikuti

prosedur undang-undang yang berlaku. Menyedari hal demikian maka ahli perkumpulan HTT merasa tidak puas hati terhadap pernyataan penduduk tempatan. Beberapa ahli perkumpulan HTT cuba melakukan perbincangan dengan tokoh masyarakat asal penduduk tempatan di mana perkumpulan HTT menyatakan bahawa mereka berada di pihak yang benar kerana perkumpulan HTT telah mendapatkan izin secara lisan untuk mendirikan bangunan gerbang HTT dari walikota Padang.

Konsep otonomi daerah telah mendorong terjadinya kebangkitan budaya namun gerakan kebangkitan budaya cenderung diikuti oleh persaingan-persaingan antar etnik. Huntington (2000) masing-masing etnik cuba menonjolkan identiti budaya mereka masing-masing sehingga terjadi benturan-benturan budaya. Senada dengan itu, Capra (1999), persaingan-persaingan ini terlihat dengan adanya upaya oleh masing-masing etnik untuk saling mematahkan gerakan kebangkitan budaya dari pihak lawan. Berry (1965) berhujah persaingan antar etnik dan benturan budaya ini dipicu oleh sikap etnosentrisme di kalangan etnik sehingga menimbulkan sentimen etnik dan cenderung berakhir dengan konflik antar etnik. Manakala konflik ini boleh berlaku dalam skala mikro (kecil) atau pun berskala makro (besar). Penduduk tempatan tetap pada pendiriannya bahawa bangunan gerbang HTT merupakan tindakan yang menyalahi undang-undang. Temubual mendalam terhadap informan asal penduduk tempatan mendapati bahawa penduduk tempatan merasa marah tindakan ahli perkumpulan HTT telah menyalahi undang-undang. Sehubungan dengan itu, penduduk tempatan membuat aduan kepada pihak jabatan majlis perbandaran bandar Padang (Jabatan Tata Ruang dan Tata Bangunan Kota Padang).

Selanjutnya jabatan majlis perbandaran bandar Padang cuba mengambil tindakan undang-undang terhadap bangunan gerbang HTT berkenaan. Langkah pertama dilakukan oleh jabatan berkenaan iaitu memaksa ahli perkumpulan HTT untuk melepaskan aksara Mandarin yang terpasang pada bangunan gerbang Hok Tek Tong berkenaan. Akan tetapi ahli perkumpulan HTT tidak mematuhi arahan jabatan perbandaran bandar Padang.

Informan jabatan perbandaran

"...Bangunan gerbang HTT tidak memiliki surat izin mendirikan bangunan secara tertulis dari jabatan perbandaran bandar Padang. Sehubungan dengan itu, kami mengarahkan agar ahli perkumpulan HTT melepaskan aksara Mandarin pada bangunan gerbang HTT. Memandangkan kubu Tionghoa tidak mematuhi arahan ini maka kami terpaksa menempuh jalur undang-undang".

Jabatan perbandaran bandar Padang menilai bangunan gerbang HTT tidak memiliki surat izin mendirikan bangunan dari jabatan terkait. Jabatan perbandaran bandar Padang menilai bangunan gerbang HTT sebagai bangunan liar kerana tidak memiliki kekuatan secara undang-undang. Temubual mendalam terhadap jabatan perbandaran mendapati tindakan ahli perkumpulan HTT dianggap sebagai tindakan yang semena-mena kerana mendirikan bangunan tanpa mendapatkan surat izin mendirikan bangunan (IMB) secara tertulis dari jabatan perbandaran bandar Padang. Penduduk tempatan merasa puas hati kerana mereka telah berhasil mematahkan gerakan pihak lawannya, kubu Tionghoa. Hal ini ditandai dengan adanya upaya oleh jabatan perbandaran Padang untuk membawa perkara ini ke majlis persidangan bandar Padang.

Tindakan diskriminasi dalam penegakan undang-undang

Gerbang HTT merupakan salah satu di antara bangunan liar yang telah dikenakan sanksi undang-undang oleh jabatan perbandaran bandar Padang. Temubual mendalam terhadap informan asal Tionghoa menyedari bahawa masih banyak bangunan liar milik kaum pribumi namun tidak dikenakan sanksi undang-undang oleh jabatan majlis perbandaran terkait. Pihak penguasa bandar Padang tidak berani memperkarakan bangunan kaum pribumi. Manakala pihak penguasa berani memperkarakan bangunan milik kaum Tionghoa. Kedudukan orang Tionghoa tergolong sebagai kumpulan minoriti sehingga memberikan laluan mudah kepada pihak penguasa melakukan tindakan semena-mena. Pihak penguasa

menilai bangunan gerbang HTT tergolong kepada bangunan yang tidak memiliki IMB secara rasmi. Temubual mendalam terhadap informan asal Tionghoa mendapati bahawa pihak penguasa dianggap tidak berlaku adil terhadap kumpulan minoriti.

Merujuk kepada corak otonomi daerah di bandar Aceh dijumpai adanya upaya penegakan syariat Islam di tengah masyarakat bandar Aceh (Bakar 2004). Untuk menyebarkan syariat Islam maka pemerintahan bandar Aceh Singkil telah melakukan peruntuhan terhadap 10 tempat ibadah kaum Kristian kerana tidak memiliki surat izin mendirikan bangunan (IMB). Laporan Akhbar *Serambi Indonesia* edisi 19 Oktober 2015 menerangkan oknum kerajaan bandar Aceh telah menggunakan kekuasaan secara kekerasan untuk meruntuhkan bangunan tempat ibadah Gereja secara paksa. Manakala oknum kerajaan tersebut tidak memiliki keberanian untuk memperkarakan bangunan tempat ibadah Mesjid milik penduduk tempatan. Pemerintahan bandar Aceh telah menghidupkan kembali nilai-nilai Islam dengan cara memusnahkan budaya kaum non muslim.

Di bandar Padang juga terlihat dengan adanya tindakan pihak penguasa yang diskriminatif. Informan Tionghoa menilai penduduk tempatan “bebas” mendirikan bangunan tanpa harus mendapatkan kebenaran dari jabatan terkait. Orang Tionghoa mengharapkan agar pihak penguasa bandar Padang perlu mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana bangunan yang tidak memiliki surat IMB dari pihak kerajaan. Universitas Andalas di bandar Padang menggelar seminar dengan tajuk *resolusi konflik soal identitas kultural: kasus gerbang Hok Tek Tong di kota Padang*. Seminar ini menyimpulkan bahawa pihak penguasa bandar Padang tidak sungguh-sungguh mengambil tindakan undang-undang untuk menghapuskan bangunan liar di tengah masyarakat bandar Padang. Hal ini mengakibatkan maraknya bangunan liar dibina di jalan-jalan awam tanpa memiliki surat izin mendirikan bangunan dari jabatan majlis perbandaran Padang. Seminar ini menegaskan agar pemerintahan bandar Padang tidak mengambil tindakan undang-undang secara diskriminatif.

Informan Tionghoa

“...Jabatan perbandaran bandar Padang hanyo barani mengambil tindakan hukum kapado bangunan liar milik kaum Cino Padang. Namun jabatan takaik ndak barani mampakarokan bangunan liar punyo kaum pribumi. Jabatan perbandaran bandar Padang ndak adil dalam menegakan hukum. Saolah-olah tindakan hukum hanyo berlaku kapado kami nan tagolong kaum minoritas (Jabatan perbandaran bandar Padang hanya berani mengambil tindakan undang-undang terhadap bangunan liar milik kaum Cina Padang. Namun jabatan terkait tidak berani memperkarakan bangunan liar milik kaum pribumi. Jabatan perbandaran bandar Padang tidak berlaku adil dalam menegakan undang-undang. Seolah-olah tindakan undang-undang hanya berlaku kepada kaum minoritas sahaja)”.

Informan Tionghoa mendapati jabatan perbandaran bandar Padang telah melakukan tindakan diskriminasi terhadap orang Tionghoa. Orang Tionghoa merasa kecewa terhadap jabatan perbandaran bandar Padang telah melakukan penyalahgunaan kuasa dalam penegakan undang-undang. Sewajarnya pihak penguasa perlu mengambil tindakan undang-undang tanpa mengenal suku, ras dan agama (SARA). Pihak penguasa perlu meruntuhkan mana-mana bangunan liar yang dianggap tidak memiliki surat IMB. Namun pemerintahan bandar Padang hanya berani mengambil tindakan undang-undang terhadap minoriti Tionghoa sahaja. Sedangkan bangunan liar milik pribumi tidak dikenakan sanksi undang-undang oleh pihak penguasa. Schaefer (2003) hubungan interaksi antara kaum minoriti dengan pihak penguasa cenderung tidak seimbang sehingga kaum minoriti cenderung terpinggir. Hobbes (1975) institusi pemerintahan memiliki kuasa sehingga mereka memiliki wewenang untuk menentukan hala tuju sesebuah keputusan dalam sesebuah negara.

Tindakan kekerasan oleh pihak penguasa

Masalah gerbang HTT terpaksa diselesaikan melalui jalur persidangan di bandar Padang. Setelah melewati proses persidangan maka kedudukan bangunan gerbang HTT dinyatakan sebagai bangunan yang tidak memiliki surat izin mendirikan bangunan. Mahkamah bandar Padang menguatkuasakan DTRTB No.640/2-04/DTRTB-PP-2012 tentang pelarangan mendirikan bangunan gerbang di jalan awam. Mahkamah bandar Padang memutuskan bahawa bangunan gerbang HTT mesti dirobuhkan kerana tidak memiliki surat izin mendirikan bangunan dari jabatan majlis perbandaran bandar Padang. Dalam hal ini, perkumpulan HTT tidak menerima keputusan mahkamah bandar Padang. Untuk itu komuniti Cina Padang cuba mengajukan persidangan naik banding di mahkamah bandar Medan. Dalam hal ini pihak walikota Padang memberikan izin kepada komuniti Tionghoa Padang untuk melanjutkan kes ini ke mahkamah bandar Medan. Pihak walikota Padang telah membuat kesepakatan dengan perkumpulan HTT untuk meruntuhkan bangunan gerbang HTT setelah menunggu putusan mahkamah bandar Medan. Dalam hal ini, pihak pemerintahan daerah Padang tidak memiliki kuasa untuk meruntuhkan bangunan gerbang HTT kerana mesti menunggu keputusan persidangan di Medan. Namun sungguh diluar jangkaan, pemerintahan bandar Padang telah mengirimkan pasukan RELA untuk meruntuhkan bangunan gerbang HTT tanpa menunggu hasil putusan persidangan mahkamah bandar Medan. Akibatnya terjadi pergaduhan antara pasukan RELA dengan kubu Tionghoa. Bahkan penduduk tempatan juga terbabit dalam peristiwa konflik berkenaan.

Informan Tionghoa

“Kami telah diserang oleh pasukan RELA di mana pasukan RELA telah membaling batu ke arah kami. Manakala penduduk tempatan juga terbabit membaling batu ke arah yang sama. Kami merasa kecewa kerana pihak kerajaan bandar Padang telah melakukan langkah penyelesaian perkara secara kekerasan”.

Informan Tionghoa merasa kecewa kerana pemerintahan bandar Padang telah melanggar perjanjian yang telah disepakati antara pihak walikota dengan pihak perkumpulan HTT. Akibatnya terjadi konflik pergaduhan dan luka-luka sehingga dibawa ke hospital. Pihak penguasa bandar Padang dianggap tidak mematuhi kesepakatan yang dibuat antara pihak penguasa dengan kubu Tionghoa. Di satu sisi pemerintahan bandar Padang memberikan kebebasan kepada orang Tionghoa Padang menghidupkan semula budaya leluhur. Namun di sisi lainnya pemerintahan bandar Padang cuba merampas hak kebebasan secara paksa. Pihak penguasa bandar Padang dianggap telah mewarisi corak penggunaan kekuasaan secara kekerasan yang diterapkan oleh rezim kekuasaan Soeharto. Seolah-olah orang Tionghoa di bandar Padang masih berada dalam era pemerintahan orde baru yang diwarnai oleh tindakan diskriminasi dan penggunaan kekuasaan secara kekerasan. Penggunaan kekuasaan secara kekerasan masih dijadikan sebagai model untuk pemecahan masalah.

Merujuk kepada Undang-Undang nombor 22 tahun 1999 menjelaskan tentang kekuasaan pemerintahan daerah. Pemerintahan pusat telah melimpahkan kekuasaan kepada pemerintahan daerah untuk mentadbir budaya-budaya yang termaktub dalam daerah. Dalam hal ini pemerintahan daerah memiliki kekuasaan untuk mentadbir budaya yang terkandung dalam daerah masing-masing. Namun bukan bererti pemerintahan daerah boleh melakukan tindakan diskriminasi dan menggunakan kekuasaan secara semena-mena sehingga memicu terjadinya konflik antar etnik.

Pada asasnya pemerintahan daerah bandar Padang tidak memiliki kuasa untuk menghambat orang Tionghoa menghidupkan semula budaya leluhur kerana Abdurrahman Wahid telah memberikan kebebasan kepada orang Tionghoa untuk mengekalkan budaya melalui Keppres nombor 6 tahun 2000. Pada masa yang sama, konsep otonomi daerah pula telah memberikan kebebasan kepada semua etnik di Indonesia untuk mengekalkan budaya leluhur. Sewajarnya pihak pemerintahan daerah memberikan kerjasama kepada semua etnik, termasuk etnik Tionghoa untuk memajukan budaya leluhur. Namun

sebaliknya, pihak penguasa cuba menghambat gerakan kebangkitan semula terhadap budaya Tionghoa yang sememangnya boleh memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara.

Langkah penyelesaian konflik gerbang HTT

Langkah-langkah penyelesaian melibatkan pihak kerajaan, pihak ahli perkumpulan HTT, pihak jabatan majlis perbandaran bandar Padang dan penduduk tempatan. Masing-masing pihak ini perlu menjalankan kefungsiannya sesuai dengan peranan mereka masing-masing. Parsons (1951) menghuraikan institusi pemerintahan dan institusi masyarakat hidup dalam sesebuah sistem. Masing-masing sistem perlu menjalankan kefungsiannya sesuai dengan peranannya masing-masing. Hilangnya salah satu kefungsiannya dalam lingkaran sistem tersebut maka perkara ini akan menjejaskan kefungsiannya sistem-sistem yang lainnya. Pengkaji cuba membincangkan tentang kefungsiannya institusi pemerintahan. Pemerintahan bandar Padang telah menggunakan cara-cara kekerasan dalam menyelesaikan konflik gerbang HTT. Tindakan kekerasan ini merupakan salah satu bentuk tindakan yang menyalahi undang-undang kerana menggunakan kuasa tidak sesuai dengan matlamat otonomi daerah (Damsar 2005). Untuk menyelesaikan masalah ini maka institusi pemerintahan bandar Padang perlu menjalankan kefungsiannya sesuai dengan had masing-masing. Institusi pemerintahan bandar Padang tidak lagi perlu menggunakan cara-cara kekerasan dalam menyelesaikan sesebuah masalah. Selain dari itu, pihak penguasa perlu menggunakan kuasa sesuai dengan undang-undang yang berlaku. Melalui otonomi daerah, pemerintahan pusat telah memberikan wewenang sepenuhnya kepada pemerintahan daerah setempat untuk mengurus budaya-budaya yang terkandung dalam daerah mereka masing-masing. Sewajarnya pemerintahan daerah menggunakan kuasa tidak bercanggah dengan undang-undang yang termaktub dalam undang-undang otonomi daerah nombor 22 tahun 1999.

Pada asasnya bangunan gerbang HTT tergolong kepada bangunan yang bercanggah dengan undang-undang majlis perbandaran bandar Padang. Perkumpulan HTT telah membina bangunan di atas jalan awam sehingga boleh menjejaskan pengguna jalan awam. Perkumpulan HTT sebagai organisasi sosial dan budaya di kalangan komuniti Tionghoa dianggap tidak menjalankan kefungsiannya sesuai dengan undang-undang kerana telah mendirikan bangunan secara semena-mena. Langkah penyelesaian terhadap masalah ini maka komuniti Tionghoa Padang terutama perkumpulan HTT perlu meminta kebenaran kepada jabatan majlis perbandaran bandar Padang untuk mendirikan bangunan.

Selanjutnya, jabatan majlis perbandaran bandar Padang perlu menjalankan kefungsiannya sesuai dengan undang-undang. Jabatan majlis perbandaran bandar Padang dianggap tidak berlaku adil dalam menegakan undang-undang. Jabatan majlis perbandaran terkait perlu memiliki keberanian untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap bangunan gerbang HTT milik kaum Cina Padang. Pada masa yang sama, jabatan majlis perbandaran bandar Padang juga perlu memiliki keberanian untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap bangunan gerbang milik kaum pribumi. Dalam hal ini jabatan majlis perbandaran bandar Padang perlu mengambil tindakan undang-undang tanpa mengenal suku, agama dan ras (SARA). Di samping itu jabatan majlis perbandaran bandar Padang perlu memberikan kemudahan kepada kepada mana-mana pihak dalam pengurusan izin mendirikan bangunan bagi menghindari terjadinya pembinaan bangunan liar semula dan tindakan yang diskriminatif secara berterusan. Manakala penduduk tempatan pula perlu memainkan peranan untuk menghentikan terjadinya konflik pergaduhan. Justeru sebaliknya mereka terbabit dalam peristiwa konflik pergaduhan antara pasukan RELA dengan kubu Tionghoa.

Kesimpulan

Matlamat otonomi daerah telah melimpahkan kekuasaan dari pemerintahan pusat kepada pemerintahan daerah. Dalam hal ini, pemerintahan daerah memiliki kuasa secara mutlak untuk mentadbir budaya-budaya dalam daerah masing-masing. Namun pemerintahan daerah telah menggunakan kekuasaan secara kekerasan dan perlakuan diskriminasi terhadap kaum minoriti Tionghoa di bandar Padang. Kedudukan

orang Tionghoa di bandar Padang sebagai kumpulan minoriti telah memberikan laluan mudah kepada pihak penguasa melakukan penyalahgunaan kekuasaan sehingga menyimpang dari matlamat otonomi daerah. Impak negatif dari penyalahgunaan kekuasaan oleh pihak penguasa menyebabkan budaya Tionghoa masih menjadi terpinggir. Pada dasarnya konsep otonomi daerah di bandar Padang telah memberikan laluan mudah kepada orang Tionghoa untuk menghidupkan semula ritual keagamaan, perayaan, kesenian dan penggunaan nama Tionghoa. Mereka juga masih berhadapan dengan masalah tindakan diskriminasi dan penggunaan kekuasaan secara kekerasan oleh pihak penguasa ketika kaum minoriti Tionghoa cuba menghidupkan semula aksara Mandarin. Orang Tionghoa seumpama berada di persimpangan jalan yang sukar untuk menentukan pilihan sama ada mereka masih ingin menerusi gerakan kebangkitan semula budaya leluhur atau pun menghentikan gerakan menghidupkan semula budaya leluhur. Mereka akan merasa kerugian apabila tidak melakukan upaya menghidupkan semula budaya leluhur kerana konsep otonomi daerah telah memberikan kebebasan kepada setiap etnik untuk menghidupkan semula budaya leluhur di Indonesia. Manakala mereka juga masih merasa “ketakutan” untuk menghidupkan semula budaya leluhur kerana pihak penguasa cenderung melakukan tindakan diskriminasi dan penggunaan kekuasaan secara kekerasan terhadap gerakan kebangkitan semula budaya leluhur.

Rujukan

- Abdul GK (2003) *Kompleksitas persoalan otonomi daerah di Indonesia*. Pustaka Pelajar, Yogyakarta.
- Abdullah I (2002) *Desentralisasi, globalisasi dan demokrasi lokal: Diversity budaya, hak-hak budaya daerah dan politik lokal di Indonesia*. LP3ES, Jakarta.
- Adrial A (1994) *Perdagangan hasil bumi Sumatera Barat di kota Padang pada masa kolonial (1900-1930)*. Universitas Gajah Mada, Yogyakarta.
- Agus D (2006) *Reformasi birokrasi publik di Indonesia*. UGM Press, Yogyakarta.
- Bahrin S (2003) *Menghidupkan tradisi Tionghoa/Cina di Makassar*. Baruga Nusantara, Makassar.
- Bakar AYA (2004) *Peradilan syari'at Islam di Aceh*. Jentera, Jakarta.
- Barton G (2000) *The authorized biography of Abdurrahman Wahid*. LKiS, Yogyakarta. Terj.
- Berry B (1965) *Race and ethnic relations*. Houghton Mifflin, Bostony.
- Capra (1999) *Jatuh banggunnya peradaban*. Pustaka Pelajar, Yogyakarta.
- Daniel EM (2006) *Kebangkitan peran budaya*. LP3ES, Jakarta. Terj.
- Damsar (2005) *The Perception of the problem of local autonomy: Respons of West Sumatera to the implementation of the law no.22/ 1999*. Universitas Andalas Press, Padang.
- Daryusti (2006) *Hegemoni penghulu dalam perspektif budaya*. Pustaka, Yogyakarta.
- Erniwati (2007) *Asap hio di ranah minang: Komunitas Tionghoa di Sumatera Barat*. Yayasan Nabil, Yogyakarta.
- Giddens A (1991) *Modernity and self-Identity: Self and society in the late modern age*. Cambridge Polity Press, New York.
- Gillin JL, Gillin JP (1954) *A revision of an introduction to sociology*. The Macmillan Company, New York.
- Gondomono (2002) *Manusia dan kebudayaan Han*. Kompas, Jakarta.
- Graves EE (1981) *The Minangkabau response to Dutch colonial rule in nineteenth century*. Monograph series. Cornell University Press, New York.
- Greif SW (1991) *WNI: Problematik orang Indonesia asal Cina*. Pustaka Utama Grafiti, Jakarta.
- Gunawan V (2012) *Sekilas tentang adat dan budaya Tionghoa di Indonesia*. Jasa Mandiri, Padang.
- Hindley D (1964) *The communist party of Indonesia 1953-1963*. University of California Press, Berkeley.
- Hobbes T (1975) *Hobbes leviathan*. Penguin Books, Great Britain.
- Huntington S (2000) *Benturan antar peradaban dan masa depan politik dunia*. Qalam, Yogyakarta. Terj.
- Koentjaraningrat (1964) *Pengantar antropologi*. Universitas Indonesia, Jakarta.

- Lie TT (1970) *Masalah WNI dan masalah Hoakiau di Indonesia*. Lembaga Research Kebudayaan Nasional, Djakarta.
- Melly GT (1981) *Golongan etnis Tionghoa di Indonesia: Suatu masalah pembinaan kesatuan bangsa*. PT Gramedia, Jakarta.
- Neuman WL (2008) *Basics of social research methods: Qualitative and quantitative approach*. Pearson Education Inc, Boston.
- Parsons T (1951) *The social system*. Free Press, Glencoe.
- Parsons T (1995) *Family, socialization and interaction process*. The Free Press, Glencoe.
- Schaefer RT (2003) *Racial and ethnics group*. Upper Saddle River, New Jersey.
- Skinner GW (1963) *The Chinese minority in Indonesia*. Mc Vey, New York.
- Suryadinata L (2002) *Negara dan etnis Tionghoa; Kasus Indonesia*. Pustaka LP3ES, Jakarta.
- Suryadinata L (1984) *Dilema minoritas Tionghoa*. Grafiti Press, Jakarta.
- Wallace AFC (1966) *Religion: An anthropological view*. Random House, New York.
- Young KR (1988) *Sistem tanam paksa di Sumatera Barat stagnasi ekonomi dan jalan buntu politik*. LP3ES, Jakarta. Terj.